

**PEKELILING PENDAFTAR**

Tarikh: 30 Mac 2020

Bil.05/2020

Ruj:(59)dlm.UNISEL/PP/01.05Jld.I

Assalamualaikum dan Selamat Sejahtera,

**MAKLUMAN TARIKH BAHARU PENDAFTARAN DIRI BAGI SEMESTER APRIL 2020****1.0 TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai Tarikh Baharu Pendaftaran Diri Bagi Semester April 2020.

**2.0 LATAR BELAKANG**

2.1 Merujuk kepada Perutusan Khas YAB Perdana mengenai pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mulai 18 Mac sehingga 31 Mac 2020, dan disambung sehingga 14 April 2020, bagi mengelakkan penularan wabak COVID-19 yang sedang melanda negara, pelajar-pelajar juga perlu mematuhi arahan tersebut.

2.2 Mesyuarat Senat Kali Ke-181 (Bil.03/2020) pada 27 Mac 2020 telah menetapkan tarikh-tarikh baharu berkaitan dengan pendaftaran pelajar semasa dan pelajar baharu.

**3.0 MAKLUMAN TARIKH BAHARU PENDAFTARAN PELAJAR**

3.1 Dimaklumkan bahawa tempoh mendaftar diri bagi pelajar semasa secara dalam talian melalui **i-DAFTAR** daripada 3 April 2020 sehingga 8 April 2020, dilanjutkan daripada **3 April 2020 sehingga 14 April 2020**. Sila rujuk jadual tindakan seperti di bawah:

Perkara	Tarikh	Catatan
<b>Pendaftaran Pelajar Semasa</b>	3 April – 14 April 2020	Pelajar mendaftar diri menerusi <b>i-DAFTAR</b> di capaian <a href="http://studentportal.unisel.edu.my/">http://studentportal.unisel.edu.my/</a>
<b>Pendaftaran Pelajar Baharu</b>	15 April – 19 April 2020	Pendaftaran secara berperingkat termasuk Sabtu dan Ahad di Kampus yang dinyatakan dalam surat tawaran
<b>Kuliah Bagi Pelajar Semasa</b>	6 April – 22 Mei 2020 (7 Minggu)	i. Kuliah sepanjang 7 minggu akan dijalankan secara dalam talian bagi pelajar yang membuat pendaftaran diri menerusi <b>i-DAFTAR</b> .  Akses kepada kuliah secara atas talian ialah <a href="https://elearning-v3.unisel.edu.my/">https://elearning-v3.unisel.edu.my/</a>

		<p>ii. Pelajar akan mengikuti kuliah secara dalam talian di rumah, daripada 6 April sehingga 14 April 2020.</p> <p>iii. Pelajar digalakkan kembali ke asrama bermula 15 April sehingga 19 April 2020 dan mengikuti kuliah secara dalam talian di dalam kampus sehingga 22 Mei 2020.</p> <p>iv. Pengurusan Unisel menyediakan kemudahan komputer yang lengkap di makmal komputer dan di perpustakaan, bagi memudahkan pelajar-pelajar mengikuti kuliah secara dalam talian di dalam kampus.</p>
<b>Cuti Semester</b>	25 Mei – 29 Mei 2020	Mengikut Kalendar Akademik 2020/2021 yang telah diedarkan menerusi Portal Pelajar.
<b>Kuliah Bagi Pelajar Baharu dan Pelajar Semasa</b>	1 Jun – 17 Julai 2020 (7 Minggu)	<p>Kuliah berjalan seperti biasa secara bersemuka di dalam Kampus Unisel di Bestari Jaya dan di Shah Alam.</p> <p>Bagi Pelajar Baharu, 2 minggu kuliah akan diganti sebelum minggu peperiksaan.</p>


3.2 Pelajar-pelajar dinasihatkan untuk mendaftar diri dalam tempoh yang telah ditetapkan bagi mengelakkan sebarang kesulitan. Pihak Unisel akan memberikan makluman kepada pelajar jika terdapat sebarang perubahan yang berkaitan dengan situasi semasa.

## 1.0 TARIKH BERKUATKUASA

Pekeliling Pendaftar Bil.05/2020 berkaitan Makluman Tarikh Baharu Pendaftaran Diri Bagi Semester April 2020 berkuatkuasa serta merta.

Sekian, harap maklum. Terima kasih.

Yang benar



**ROKMAA BINTI HAJI MAT**

Pendaftar

s.k : Presiden dan Naib Canselor  
: Naib Presiden dan Timbalan Naib Canselor (Akademik, Penyelidikan & Jaringan Industri)  
: Naib Presiden dan Timbalan Naib Canselor (Pentadbiran, Perancangan & Jaringan Global)  
: Naib Presiden dan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan Pelajar & Jaringan Komuniti)  
: Bendahari